

BIOTECHNOLOGY NIGHT 2009

By ROSLINA JAWAN

Pelajar - pelajar tahun akhir Program Bioteknologi Sesi 2006/2007 telah menganjurkan "Biotechnology Night 2009" bertempat di Carnation Room, Hotel Shangri-La, Kota Kinabalu pada 22 Mac 2009. Kehadiran para pensyarah bioteknologi dari Sekolah Sains dan Teknologi dan Institut Penyelidikan Bioteknologi disambut ceria oleh para pelajar yang tidak ketinggalan berpakaian glamour dan eksekutif. Majlis ini dirasmikan oleh Naib Canselor UMS iaitu Y. Berusaha Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon yang juga merupakan salah seorang pensyarah program bioteknologi berserta dengan isteri beliau iaitu Prof.Datin Dr.Ann Anton yang merupakan Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, UMS. Objektif majlis ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan dan kenang-kenangan pelajar kepada pensyarah yang telah banyak mendidik dan membentuk mereka menjadi insan yang berguna.

Majlis ini diserikan dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti "gameshow", penyampaian anugerah kepada pelajar-pelajar yang banyak memberi sumbangan kepada program serta anugerah kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberi inspirasi kepada pelajar. Selain dipenuhi dengan ilmu pengetahuan untuk menjadi ahli Bioteknologi yang cemerlang, para pelajar juga telah menunjukkan bakat mereka di dalam bidang tarian, lakonan, pengacaraan dan nyanyian dengan baik. Majlis ini diakhiri dengan acara penyampaian cenderamata kepada para pensyarah diikuti dengan acara bergambar.



Persembahan tarian dan nyanyian dari para pelajar



**Barisan pensyarah Program Bioteknologi bergambar
kenangan bersama para pelajar**

Duduk dari kiri : En.Ruzaidi Azli Mohd. Mokhtar, Cik Hartinie Marbawi, Pn.Roslina Jawan, Dr.Ivy Wong Nyet Kui, Kol.Prof.Datuk Dr.Kamaruzaman Hj. Ampon, Prof.Datin Dr. Ann Anton, Prof.Madya Dr.Jualang Azlan Gansau, Prof.Madya Dr.Clemente Michael Wong, En.Mohd Izsam Shawal, En.Wilson Yong Thau lym dan Dr.Mohammad Iqbal



**Acara memotong kek sebagai simbolik
kepada perasmian "Biotechnology Night 2009"**



Para pensyarah ceria sepanjang majlis berlangsung.



Persembahan koir dari para pelajar